Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja lwn Len Omnibus Company Bhd dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — GUAMAN SIVIL NO MT5–22–216 TAHUN 2001
SURIYADI H
20 APRIL 2006

Acara Sivil — Penangguhan — Permohonan untuk — Kegagalan memfailkan hujahan bertulis seperti yang ditetapkan oleh mahkamah dan ketidakhadiran peguam defendan — Alasan kesilapan memasukkan kes di dalam diari — Sama ada penangguhan patut dibenarkan — Sama ada mahkamah patut meneruskan perbicaraan dengan bersandarkan keterangan afidavit yang telah difailkan dan hujahan plaintif sahaja

Undang-Undang Buruh — Wang Simpanan Pekerja — Kegagalan membayar caruman — Alasan ramai pekerja yang berhenti tetapi tiada keterangan lanjut nama pekerja yang telah berhenti serta tarikh pekerja berhenti — Sama ada rekod Borang E secara prima facie membuktikan bahawa defendan gagal membayar caruman pekerja — Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 s 46

Plaintif (perayu) adalah sebuah perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991. Defendan pertama (responden) adalah sebuah syarikat manakala defendan kedua hingga defendan kelapan adalah ahli lembaga pengarah syarikat defendan pertama. Plaintif telah memfailkan tuntutan terhadap defendan pertama di atas kegagalan defendan pertama membayar caruman pekerja-pekerja mereka bagi tempoh bulan September 1997 hingga Disember 1999 berjumlah RM1,276,555. Defendan kedua hingga kelapan pula disaman atas kapasiti mereka sebagai ahli lembaga pengarah syarikat defendan pertama.

Di dalam afidavitnya, plaintif telah mengekshibitkan senarai maklumat pekerja-pekerja defendan pertama dan jumlah tunggakan yang masih terhutang kepada plaintif. Pihak defendan pula melalui afidavitnya hanya membuat penafian tentang jumlah yang terhutang dan menyatakan bahawa syarikat defendan tidak membuat caruman kerana banyak pekerja yang berhenti dan defendan pertama tidak bertanggungan untuk membuat apa-apa caruman kepada plaintif bagi pekerja-pekerja yang berhenti. Berhubung dengan tanggungan defendan kedua hingga defendan kelapan pula, afidavit plaintif telah mengemukakan maklumat syarikat yang dikeluarkan oleh Pendaftar Syarikat Malaysia. Plaintif telah memfailkan permohonan untuk penghakiman terus terhadap defendan-defendan tetapi permohonan tersebut telah ditolak oleh Penolong Kanan Pendaftar. Maka, plaintif memfailkan rayuan ini.

Pada hari rayuan didengar, hanya peguam plaintif yang hadir. Mahkamah telah mengeluarkan arahan supaya pihak-pihak menyediakan hujahan bertulis dan menetapkan 20 April 2006 untuk perbicaraan. Pada 20 April 2006 iaitu hari

perbicaraan, peguam plaintif hadir manakala pihak defendan atau peguam mereka tidak hadir. Sebelum itu pada 19 April 2006 jam 5.14pm, mahkamah telah menerima sepucuk surat melalui faks daripada peguam defendan yang memohon kes ini ditangguhkan atas alasan peguam yang mengendalikan kes ini terlibat dalam satu kes perbicaraan di Mahkamah Majistret Kuala Kangsar dan juga perbicaraan di Mahkamah Perusahaan di Pulau Pinang. Peguam defendan juga memohon lanjutan masa untuk memfailkan hujahan bertulis. Peguam memberi alasan bahawa tersilap memasukkan kes ini di dalam diari mereka.

Diputuskan, membenarkan rayuan:

(1) Alasan peguam defendan untuk memohon penangguhan perbicaraan adalah tidak berasas sama sekali. Tarikh perbicaraan kes hari ini telah ditetapkan semenjak 14 Februari 2005 iaitu pada kali pertama kes ini dibawa ke hadapan mahkamah. Pada hari itu mahkamah telah menetapkan 20 April 2006 di mana pihak defendan mempunyai jangka masa setahun lebih untuk membuat penyusunan jadual kes beliau supaya tidak bertindih dengan perbicaraan hari ini. Namun peguam defendan hanya memberi alasan bahawa mereka tersilap memasukkan kes ini ke dalam diari mereka dan alasan ini adalah tidak munasabah serta menunjukkan peguam defendan tidak mengambil berat terhadap kes ini. Malahan peguam defendan memberi keutamaan kepada kes di Mahkamah Majistret dan Mahkamah Perusahaan berbanding kes ini. Setelah mempertimbangkan keadaan kes ini serta alasan untuk penangguhan, mahkamah tidak membenarkan penangguhan dan meneruskan perbicaraan (lihat perenggan 5).

(2) Atas kegagalan pihak defendan memfailkan hujahan bertulis seperti yang diarahkan, mahkamah akan hanya mempertimbangkan hujahan bertulis yang disediakan oleh pihak plaintif. Mahkamah juga memutuskan untuk meneruskan perbicaraan ini dengan meneliti isu merit kes ini bersandarkan keterangan afidavit yang telah difailkan oleh pihak-pihak sebelum ini (lihat perenggan 6).

(3) Defendan pertama gagal menyenaraikan nama-nama pekerja yang telah berhenti serta tarikh pekerja-pekerja tersebut berhenti bagi menyokong dakwaan mereka. Hanya defendan yang boleh menjelaskan status pekerja-pekerja seperti yang disenaraikan kerana butir-butir pekerja di dalam rekod plaintif adalah juga dari maklumat yang dibekalkan oleh defendan pertama sebelum ini. Tanpa penjelasan tersebut, dakwaan defendan hanya penafian semata-mata dan tanpa merit. Seksyen 64 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 dengan jelas memperuntukkan bahawa salinan catatan dalam akaun-akaun Kumpulan Wang yang diperakukan (iaitu Borang E) adalah merupakan satu keterangan prima facie terhadap jumlah yang tertunggak (lihat perenggan 8). Oleh yang demikian kecuali defendan secara spesifik membuktikan bahawa senarai pekerja-pekerja defendan pertama yang disimpan oleh plaintif adalah tidak tepat, rekod tersebut secara prima facie membuktikan bahawa defendan gagal membayar caruman pekerja mereka (lihat perenggan 9).

(4) Nama-nama defendan kedua hingga defendan kelapan tersenarai sebagai ahli lembaga pengarah syarikat defendan pertama. Tarikh-tarikh lantikan mereka sebagai ahli lembaga pengarah adalah di antara 8 September 1993 hingga 9 April 1997. Ini menunjukkan sewaktu defendan pertama didapati gagal membayar caruman pekerja iaitu dari September 1997 hingga Disember 1999, defendan kedua hingga kelapan masih menjadi ahli lembaga pengarah syarikat defendan pertama. Sebagai ahli lembaga pengarah syarikat defendan pertama, defendan kedua hingga defendan kelapan adalah bertanggungan secara bersama dan berasingan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s 46 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 (lihat perenggan 10).

(5) Di dalam kes ini, defendan-defendan bukan sahaja gagal menimbulkan sebarang isu malahan mereka telah gagal menimbulkan sebarang isu untuk dibicarakan (lihat perenggan 11).

[English summary

The plaintiff is a body established under the Employee Provident Fund Act 1991. The first defendant (respondent) is a company where as the second until eighth defendants are members of the board of directors of the first defendant. The plaintiff filed a claim against the first defendant upon the failure of the first defendant to pay contribution for their employees for the period between September 1997 till December 1999 for the amount of RM1,276,555. The second to the eighth defendants were summoned in their capacity as member of the board of directors of the first defendant's company.

In their affidavit, the plaintiff exhibited a list of information of the first defendant's employee and total arrears which were still indebted to the plaintiff. The defendant via its affidavit only made denial about the indebted sum and stated that the defendant's company did not contribute because many employees had left and the first defendant was not dependant to make any contribution to the plaintiff for the employees who had left the company. As regards to the dependence of the second to eighth defendant's, the plaintiff's affidavit produced company information issued by the Company's Registrar of Malaysia. The plaintiff filed an application for summary judgment against the defendant but the said application was refused by the senior assistant registrar. Therefore, the plaintiff filed this appeal.

On the day the appeal was heard, only the plaintiff's solicitor was present. The court carried out instructions so that parties prepare a written submission and fix 20 April 2006 for trial. On 20 April 2006, which is trial day, the plaintiff's solicitor was present whereas the defendant and their solicitor did not fail. Previously, on 19 April 2006 at 5.14 pm, the court received a letter via fax from the defendant's solicitor which applied for this case to be postponed upon the reason that the solicitor handling this case is involved in a trial case in the Magistrate Court of Kuala Kangsar and also trial at the Industrial Court in Penang. The defendant's solicitor also applied extension of time to file written submission. The solicitor gave reason of failure to insert this case in their diary.

Held, allowing the appeal:

(1) The reason for the defendant's solicitor to apply for a postponement of the trial

is baseless. The trial for this case was fixed for 14 February 2005 which was the first time this case was brought before the court. On that day, the court fixed 20 April 2006 whereby the defendant had a period of one year and more to restructure the case schedule so that there existed no overlap with the trial today. However, the defendant's solicitor gave a reason that they failed to include the case in their diary and this reason was not reasonable and showed that the defendant's solicitors were not concerned about this case. In addition the defendant's lawyer gave priority to the case in the magistrate's court and Industrial Court compared to this case. After considering the circumstances of this case and the reasons for postponement, the court disallowed the postponement and proceeded with the trial (see para 5).

(2) 2) Upon the failure of the defendant to file written submission as ordered, the court will only consider the written submission prepared by the plaintiff. The court also decided to proceed with the trial by analyzing the merit of this case based on affidavit evidence filed by the parties before this (see para 6).

(3) The first defendant failed to state the names of the employees who had resigned as well as the date the employees had left to support their charges. Only the defendant could explain the status of the employees as listed because the details of the employees in the plaintiff's record was also from the information supplied by the first defendant before this. Without such explanation, the defendant's charges was only denial and without merit. Section 64 of the Employee Provident Fund Act 1991 clearly provides that the copy of the notes in the Provident Fund accounts acknowledged (ie Form E) was a prima facie evidence of the sum due (see para 8). Therefore unless the defendant had specifically proved that the list of employees of the first defendant kept by the plaintiff was not accurate, the record prima facie established that the defendant had failed to pay contribution of their employees (see para 9).

(4) The names of the second to eighth defendants listed as the first defendant company's members of the board of directors. Their appointment dates as members of the board of directors was between 8 September 1993 to 9 April 1997. This showed that when it was found that the first defendant had failed to pay their employees' contributions, ie from September 1997 to December 1999, the second to eighth defendants were still members of the board of directors of the first defendant's company. As a member of the board of director of the first defendant's company, the second to eighth defendants were jointly and severally liable as provided under s 46 of the Employee Provident Fund Act 1991 (see para 10).

(5) In this case, the defendants not only failed to raise any issues but they had failed to raise any triable issues (see para 11).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kegagalan membayar caruman, lihat 8(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2003 Reissue) perenggan 1454–1455.

Untuk kes-kes mengenai permohonan untuk penangguhan, lihat 2 *Mallal's Digest* (4th Ed) Consolidated Subject Index perenggan 167–180.

Kes-kes yang dirujuk

Anwar bin Ibrahim v Abdul Khalid @ Khalid Jafri bin Bakar Shah & Anor (No 1) [2005] 4 MLJ 87 (dirujuk)

Bank Negara Malaysia v Mohd Ismail & Ors [1992] 1 MLJ 400 (dirujuk)

Lee Ah Tee v Ong Tiow Pheng & Ors [1984] 1 MLJ 107 (dirujuk)

Sheikh Abdul Aziz Sheikh Shukor & Ors v Sheikh Mustapha Sheikh Shukor & Ors [2004] 3 CLJ 108 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 ss 43(1), 45(1), 46, 64
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 14, A 34 k 7

Eric Clement (Abdul Halim Ushah & Associates) bagi pihak perayu.
T Vijayandran (T Vijay & Co) bagi pihak defendan/responden.

Suriyadi H:

[1] Pada 4 April 2003 melalui lampiran 13, plaintif telah memfailkan permohonan untuk penghakiman terus terhadap defendan-defendan tetapi permohonan tersebut telah ditolak oleh penolong kanan pendaftar pada 3 Februari 2004. Pada 12 Februari 2004, plaintif memfailkan rayuan terhadap keputusan tersebut dan pada 14 Februari 2005, kes ini telah dibawa ke hadapan saya. Pada hari itu, hanya peguam plaintif iaitu En M Kalaichelvam yang hadir. Saya telah mengeluarkan arahan supaya pihak-pihak menyediakan hujahan bertulis dan menetapkan 20 April 2006 untuk perbicaraan lampiran 13.

[2] Pada 20 April 2006 iaitu hari perbicaraan lampiran 13, plaintif (perayu) diwakili oleh peguam En Eric Clement manakala pihak defendan (responden) atau peguam mereka tidak hadir. Sebelum itu pada 19 April 2006 jam 5.14pm, saya telah menerima sepucuk surat melalui faks daripada peguam defendan yang memohon kes ini ditangguhkan di atas alasan peguam yang mengendalikan kes ini iaitu En T Vijayandran terlibat dalam satu kes perbicaraan di Mahkamah Majistret Kuala Kangsar dan juga perbicaraan di Mahkamah Perusahaan di Pulau Pinang. Peguam defendan juga memohon lanjutan masa untuk memfailkan hujahan bertulis. Peguam memberi alasan bahawa tersilap memasukkan kes ini di dalam diari mereka. Berdasarkan isi kandungan surat ini, saya berpendapat bahawa pihak defendan dan peguam mereka tahu bahawa kes ditetapkan untuk perbicaraan dan terdapat arahan untuk pihak-pihak menyediakan hujahan bertulis.

[3] Berdasarkan surat permohonan penangguhan itu juga, saya pasti peguam defendan tentunya membuat andaian bahawa saya akan membenarkan penangguhan dan menetapkan satu tarikh perbicaraan yang baru. Ini kerana peguam defendan hanya sekadar menghantar surat secara faks pada saat-saat akhir tanpa membuat persiapan alternatif seandainya permohonan penangguhan tidak dibenarkan seperti mewakilkan mana-mana peguam lain untuk mengendalikan kes ini. Peguam plaintif pula memaklumkan bahawa beliau menyerahkan kepada budi bicara mahkamah

A berkaitan permohonan defendan untuk satu penangguhan tetapi menekankan bahawa peguam defendan tidak memasukkan hujahan bertulis sepertimana arahan mahkamah.

[4] Saya ingin tegaskan bahawa peguam defendan telah tersalah jangkaan bahawa
B saya akan membenarkan penangguhan seperti yang dipohon. Sama ada satu penangguhan akan dibenarkan ataupun tidak adalah terletak sepenuhnya kepada budi bicara mahkamah dengan mengambilkira keadaan sesuatu kes. Prinsip ini telah dinyatakan dengan jelas oleh Mahkamah Rayuan di dalam kes *Sheikh Abdul Aziz Sheikh Shukor & Ors v Sheikh Mustapha Sheikh Shukor & Ors* [2004] 3 CLJ 108
C di mana Mahkamah Rayuan Malaysia telah mengesahkan dan menerima pakai prinsip-prinsip yang perlu dijadikan panduan oleh mahkamah dalam mempertimbangkan satu permohonan penangguhan dengan merujuk kepada keputusan Hashim Yeop Sani HMP (beliau pada masa itu) di dalam kes *Lee Ah Tee v Ong Tiow Pheng & Ors* [1984] 1 MLJ 107**.**

D

[5] Saya mendapati bahawa alasan peguam defendan untuk memohon penangguhan perbicaraan lampiran 13 adalah tidak berasas sama sekali. Tarikh perbicaraan kes hari ini telah ditetapkan semenjak 14 Februari 2005 iaitu pada kali pertama kes ini dibawa ke hadapan saya. Pada hari itu, saya menetapkan 20 April
E 2006 (iaitu hari ini) di mana pihak defendan mempunyai jangka masa setahun lebih untuk membuat penyusunan jadual kes beliau supaya tidak bertindih dengan perbicaraan hari ini. Namun peguam defendan hanya memberi alasan bahawa mereka tersilap memasukkan kes ini ke dalam diari mereka dan saya berpendapat alasan ini adalah tidak munasabah serta menunjukkan peguam defendan tidak mengambil berat terhadap kes ini. Malahan peguam defendan memberi keutamaan
F kepada kes di mahkamah majistret dan Mahkamah Perusahaan berbanding kes ini. Setelah mempertimbangkan keadaan kes ini serta alasan untuk penangguhan, saya mengambil keputusan untuk tidak membenarkan penangguhan dan meneruskan perbicaraan lampiran 13. Setelah disemak suratcara di dalam fail ini, saya mendapati pihak-pihak telah memfailkan afidavit masing-masing untuk dirujuk oleh mahkamah
G dalam perbicaraan ini. Peguam plaintif juga telah memfailkan hujahan bertulis beliau bersama autoriti.

[6] Satu isu yang ingin saya sentuh di dalam kes ini adalah berhubung arahan saya supaya pihak-pihak menyediakan hujahan bertulis untuk perbicaraan lampiran 13.
H Di dalam hal ini peguam defendan telah gagal mematuhi arahan mahkamah bertarikh 14 Februari 2005 walaupun di dalam surat beliau menunjukkan beliau sedar tentang arahan tersebut. Saya merujuk kepada A 34 k 7 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 berhubung kuasa mahkamah menghukum pihak yang gagal mematuhi arahan hakim sewaktu prosiding pra perbicaraan. Saya membuat
I keputusan bahawa di atas kegagalan pihak defendan memfailkan hujahan bertulis seperti yang diarahkan, saya akan hanya mempertimbangkan hujahan bertulis yang disediakan oleh pihak plaintif dalam mempertimbangkan lampiran 13. Saya juga memutuskan untuk meneruskan perbicaraan ini dengan meneliti isu merit kes ini bersandarkan keterangan afidavit yang telah difailkan oleh pihak-pihak sebelum ini. Saya merujuk kepada keputusan Hishamudin Yunus H di dalam kes *Anwar bin*

Ibrahim v Abdul Khalid @ Khalid Jafri bin Bakar Shah & Anor (No 1) [2005] 4 MLJ 87 berhubung pemakaian A 34 k 7 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

[7] Di dalam kes ini, secara ringkasnya, plaintif (perayu) adalah sebuah perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991. Defendan pertama (responden) adalah sebuah syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat manakala defendan kedua hingga defendan kelapan adalah ahli lembaga pengarah syarikat defendan pertama. plaintif telah memfailkan tuntutan terhadap defendan pertama di atas kegagalan defendan pertama membayar caruman pekerja-pekerja mereka bagi tempoh bulan September 1997 hingga Disember 1999 berjumlah RM 1,276,555. Defendan kedua hingga kelapan pula disaman atas kapasiti mereka sebagai ahli lembaga pengarah syarikat defendan pertama. Tuntutan plaintif adalah berasaskan kegagalan defendan pertama membayar caruman pekerja-pekerja bagi tempoh tersebut.

[8] Di dalam afidavit Jamal Nasser bin Haji Abd Ghani yang diikrarkan pada 4 April 2003, plaintif telah mengekshibitkan 'Borang E' (eksh 'JN-1') iaitu senarai maklumat pekerja-pekerja defendan pertama dan jumlah tunggakkan yang masih terhutang kepada plaintif. Pihak defendan pula melalui afidavit Ramli bin Che Kob yang diikrarkan pada 18 September 2003 hanya membuat penafian tentang jumlah yang terhutang dan menyatakan bahawa syarikat defendan tidak membuat caruman kerana banyak pekerja yang berhenti akibat kegawatan ekonomi dan defendan pertama tidak bertanggungan untuk membuat apa-apa caruman kepada plaintif bagi pekerja-pekerja yang berhenti. Namun saya mendapati bahawa defendan pertama gagal menyenaraikan nama-nama pekerja yang telah berhenti serta tarikh pekerja-pekerja tersebut berhenti bagi menyokong dakwaan tersebut. Perlu dinyatakan bahawa hanya defendan yang boleh menjelaskan status pekerja-pekerja seperti yang disenaraikan di dalam Borang E tersebut kerana butir-butir pekerja di dalam rekod plaintif adalah juga dari maklumat yang dibekalkan oleh defendan pertama sebelum ini. Tanpa penjelasan tersebut saya memutuskan bahawa dakwaan defendan itu hanya penafian semata-mata dan tanpa merit. Seksyen 64 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 dengan jelas memperuntukkan bahawa salinan catatan dalam akaun-akaun Kumpulan Wang yang diperakukan (iaitu Borang E) adalah merupakan satu keterangan prima facie terhadap jumlah yang tertunggak.

[9] Oleh yang demikian kecuali defendan secara spesifik membuktikan bahawa senarai pekerja-pekerja defendan pertama yang disimpan oleh plaintif adalah tidak tepat, rekod tersebut secara prima facie membuktikan bahawa defendan gagal membayar caruman pekerja mereka. Tanggungjawab defendan untuk membayar caruman adalah satu tanggungjawab statutori. Sebagai majikan, defendan pertama adalah bertanggungan untuk membayar caruman pekerja-pekerja selaras dengan ss 43(1) dan 45(1) Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991.

[10] Berhubung dengan tanggungan defendan kedua hingga defendan kelapan pula, afidavit plaintif telah mengemukakan maklumat syarikat yang dikeluarkan oleh Pendaftar Syarikat Malaysia iaitu eksh 'JN-2'. Saya mendapati nama-nama defendan kedua hingga defendan kelapan tersenarai sebagai ahli lembaga pengarah syarikat

defendan pertama. Tarikh-tarikh lantikan *memtoa* sebagai ahli lembaga pengarah adalah di antara 8 September 1993 hingga 9 April 1997. Ini menunjukkan sewaktu defendan pertama didapati gagal membayar caruman pekerja iaitu dari September 1997 hingga Disember 1999, defendan kedua hingga kelapan masih menjadi ahli lembaga pengarah syarikat defendan pertama. Sebagai ahli lembaga pengarah syarikat defendan pertama, defendan kedua hingga defendan kelapan adalah bertanggungan secara bersama dan berasingan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s 46 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991.

[11] Berdasarkan fakta dan dokumen-dokumen yang dikemukakan, saya berpendapat bahawa tanggungan defendan-defendan di dalam kes ini adalah mutlak dan tidak wujud isu-isu yang perlu dibicarakan. Prinsip undang-undang bagi penghakiman terus di bawah A 14 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 telahpun dibincangkan dengan panjang lebar oleh Mahkamah Agung di dalam kes *Bank Negara Malaysia v Mohd Ismail & Ors* [1992] 1 MLJ 400 dan saya rasa tidak perlu diperbahaskan lagi. Di dalam kes ini, saya mendapati defendan-defendan bukan sahaja gagal menimbulkan sebarang isu malahan mereka telah gagal menimbulkan sebarang isu untuk dibicarakan. Oleh yang demikian, saya memutuskan bahawa rayuan ini dibenarkan dengan kos dan memerintahkan satu penghakiman dimasukkan ke atas defendan-defendan.

Rayuan dibenarkan.

Reported by Loo Lai Mee